

1. Nama Program: **DIPLOMA KOMUNIKASI (R/321/4/0008)**
2. Kod Program: **CS41**
3. Kelulusan Pengendalian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPM):
 - (a). Nombor Surat Jabatan Pendidikan Swasta (JPS): JPT/BPP (U)1000-801/64/Jld.6(2)
 - (b). Tarikh Surat Kelulusan: 5 Oktober 2015
 - (c). Tarikh Tamat Kelulusan: 29 Mac 2021
4. Perakuan Akreditasi oleh Malaysian Qualification Agency (MQA):
 - (a). Nombor Pendaftaran MQA: A7026
 - (b). Tarikh Akreditasi Penuh: 27/05/2008
5. Fakulti dan Jabatan yang Menawarkan Program:
 - (a). Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)
 - (b). Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi
 - (c). Alamat Laman Web: <http://fpm.kuis.edu.my/>
6. Jenis Pengajian: Sepenuh Masa (Full Time)
7. Bahasa Pengantar Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P): Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris
8. Tempoh Pengajian: 6 Semester (3 Tahun)

Setiap semester mengandungi **14 minggu kuliah**, **1 minggu ulangkaji** dan **3 minggu peperiksaan akhir semester**. Sila layari laman web KUIS di www.kuis.edu.my untuk mengetahui takwim akademik 2016 (rujuk menu utama **Pelajar** dan klik pada sub menu **Takwim Akademik**).

9. Waktu Perkuliahan (Aktiviti Pengajaran dan Pengajaran – P&P):
 - (a). Secara umumnya, KUIS membenarkan aktiviti perkuliahan dilaksanakan pada Isnin hingga Jumaat, diantara jam 8:00 pagi hingga 10:00 malam.
 - (b). Bagaimanapun, kebanyakan kuliah dilaksanakan pada waktu siang di antara jam 8:00 pagi hingga 6:00 petang bagi memberikan ruang ulangkaji secukupnya kepada pelajar pada waktu malam. Susunan jadual perkuliahan adalah mengikut ketetapan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) KUIS.
10. Syarat Kelayakan Masuk:
 - Lulus SPM/SPVM dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 kepujian termasuk Bahasa Inggeris; atau
 - Lulus STPM atau setara dengannya, dengan minimum Gred C dalam mana-mana mata pelajaran dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM;
 - Lulus STAM dengan pangkat Maqbul dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM;
 - Kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya.

Di sini
lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara'

11. Hasil Pembelajaran Program: Di akhir program ini graduan berupaya untuk
- Mendapat pengetahuan dan teori yang berkaitan dalam bidang komunikasi dan media.
 - Mengaplikasikan kemahiran komunikasi dalam pelbagai konteks dan disiplin.
 - Mengaplikasikan persekitaran dan tanggungjawab sosial, budaya, global, isu perundangan dan etika pengamal komunikasi dan media.
 - Mengenalpasti perhubungan antara profesionalisme dan nilai insan dalam bidang media melalui pelbagai aplikasi kemahiran dan kerangka teori.
 - Mengaplikasi kemahiran komunikasi berkesan, pembentangan dan kemahiran kerja berpasukan.
 - Analisis maklumat, data dan konflik untuk menyelesaikan masalah dalam bidang komunikasi dan media.
 - Meneruskan pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan daya kreativiti dan inovasi dalam perkembangan kerjaya.
 - Mengaplikasi kemahiran kepengurusan dan keusahawanan berlandaskan nilai-nilai Islam.
 - Mempraktikkan kemahiran kepimpinan dalam berpasukan dan berorganisasi.
12. Jumlah Nilai Kredit Keseluruhan Program: 94 Kredit
13. Bilangan Kursus dalam Program: 44 kursus yang terdiri daripada

Bil.	Kategori Kursus	Bilangan Kursus	Nilai Kredit	Peratus Kredit
1.	Teras Major	7	24	25.53
2.	Asas Major	10	30	31.91
3.	Wajib MQA	6	13	13.83
4.	Wajib Universiti	15	14	14.90
5.	Wajib Fakulti	6	13	13.83
JUMLAH		44	94	100%

2

14. Struktur Program:

Semester 1

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	MPU 2163	PENGAJIAN MALAYSIA 2 (U1)	3	C	WAJIB MQA
	MPU 2133	BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1 (U1)			
2.	MPU 2352	TASAWWUR ISLAM (U3)	2	C	WAJIB MQA
3.	NDWU 1012	ENGLISH I	2	D	WAJIB UNIVERSITI
4.	NDWU1022	AL ARABIAH AL ASASIYYAH 1	2	D	WAJIB UNIVERSITI
5.	NDWF 1011	TILAWAH AL-QURAN	1	D	WAJIB FAKULTI
6.	MDKM 1013	PENGANTAR KOMUNIKASI	3	D	TERAS MAJOR
7.	MDKM 1023	PENGANTAR KEWARTAWANAN	3	D	TERAS MAJOR
8.	MDPM 1013	FUNDAMENTAL OF MANAGEMENT	3	D	WAJIB FAKULTI
9.		KO-KURIKULUM	0	D	WAJIB UNIVERSITI
10.	JDTP1010	SISTEM TARBIYYAH PELAJAR	0	L/G	WAJIB UNIVERSITI
JUMLAH NILAI KREDIT			19		



Semester 2

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	MPU 2212	BAHASA KEBANGSAAN A (U2)	2	C	WAJIB MQA
2.	MPU2262	AL-FIQH AL-ISLAMI (U2)	2	C	WAJIB MQA
3.	NDWU 1042	PENGENALAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	2	D	WAJIB UNIVERSITI
4.	NDWU 1052	ENGLISH II	2	D	WAJIB UNIVERSITI
5.	NDWU 1062	AL ARABIAH AL ASASIYYAH II	2	D	WAJIB UNIVERSITI
6.	NDWF 1021	TADABBUR AL-QURAN	1	D	WAJIB FAKULTI
7.	MDKM 1033	PENGANTAR PERIKLANAN	3	D	TERAS MAJOR
8.	MDKM 1043	PENULISAN DAN LAPORAN BERITA	3	D	ASAS MAJOR
9.	MDPM 3083	PENGUCAPAN AWAM	3	D	WAJIB FAKULTI
10.		KO-KURIKULUM	0	D	WAJIB UNIVERSITI
11.	JDTP1020	SISTEM TARBIYYAH PELAJAR	0	L/G	WAJIB UNIVERSITI
JUMLAH NILAI KREDIT			20		

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umaru'

Semester 3

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	MPU 2312	PENGANTAR AKIDAH (U3)	2	C	WAJIB MQA
2.	NDWU 2082	ENGLISH III	2	D	WAJIB UNIVERSITI
3.	NDWU 2092	AL ARABIAH AL ASASIYYAH III	2	D	WAJIB UNIVERSITI
4.	NDWF 2032	AKHLAK ISLAMIYYAH	2	D	WAJIB FAKULTI
5.	MDKM 2053	PENULISAN MEDIA ELEKTRONIK	3	D	ASAS MAJOR
6.	MDKM 2063	KOMUNIKASI INTERPERSONAL	3	D	ASAS MAJOR
7.	MDKM 2073	PENGANTAR PERHUBUNGAN AWAM	3	D	TERAS MAJOR
8.		KO-KURIKULUM	0	D	WAJIB UNIVERSITI
9.	JDTP2030	SISTEM TARBIYYAH PELAJAR	0	D	WAJIB UNIVERSITI
JUMLAH NILAI KREDIT			17		

3

Semester 4

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	MPU 2412	LATIHAN BINA INSAN (U4)	2	C	WAJIB MQA
2.	MDKM 2083	KOMUNIKASI MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH	3	D	TERAS MAJOR
3.	MDKM 2093	PENERBITAN, PENYUNTINGAN DAN REKA LETAK	3	D	ASAS MAJOR
4.	MDKM 2103	PENULISAN RENCANA	3	D	ASAS MAJOR
5.	MDKM 2113	UNDANG-UNDANG DAN ETIKA MEDIA	3	D	ASAS MAJOR
6.	MDPM 2053	PRINCIPLES OF ECONOMICS	3	D	WAJIB FAKULTI
7.	JDTP2040	SISTEM TARBIYYAH PELAJAR	0	L/G	WAJIB UNIVERSITI
JUMLAH NILAI KREDIT			17		

Semester 5

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	MDKM 3123	PENGURUSAN MEDIA	3	D	ASAS MAJOR
2.	MDKM 3133	KOMUNIKASI DAN PROPAGANDA	3	D	ASAS MAJOR
3.	MDKM 3143	MEDIA DAN DAKWAH	3	D	ASAS MAJOR
4.	MDKM 3153	PENGANTAR KAEDAH PENYELIDIKAN KOMUNIKASI	3	D	TERAS MAJOR
5.	MDKM 3163	SOSIOLOGI MEDIA DAN ISLAM	3	D	ASAS MAJOR
6.	JDTP3050	SISTEM TARBIYYAH PELAJAR	0	L/G	WAJIB UNIVERSITI
JUMLAH NILAI KREDIT			15		



Semester 6

Di sini lahirnya...

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	MDKM 3176	LATIHAN AMALI	6	C	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			6		

Dai'

Ulama'

Umara'

15. Prospek Kerjaya:

Wartawan (Majalah, Akhbar, TV dan Laman Internet), Penolong Editor, Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Penulis Karya Kreatif, Penulis Kopi, Penulis Skrip, Penyiaran, Pengiklanan, Perfileman.

16. Prospek Melanjutkan Pengajian ke Peringkat Lebih Tinggi:

(a). Layak melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) di Universiti Awam dan Universiti Swasta dalam dan luar negara yang mengiktiraf lulusan KUIS.

(b). KUIS juga menyediakan peluang melanjutkan pengajian ke program berikut:

- i. Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) (Kepujian)
- ii. Lain-lain program ijazah sarjana muda KUIS yang bersesuaian.

17. Kemudahan Kediaman dan Penempatan Pelajar:

Sila rujuk **Lampiran I - Kediaman dan Penempatan Pelajar (Diploma & Sarjana Muda)**

18. Anggaran Yuran Keseluruhan Program:

(a). Pelajar **Warganegara Malaysia** : RM **20,938.00**

(b). Pelajar **Antarabangsa** : RM **24,438.00**

4

19. Pecahan Anggaran Yuran Program mengikut Kategori:

Bil.	Kategori Yuran	Anggaran Yuran (RM)	
		Warganegara Malaysia	Pelajar Antarabangsa
*1.	Yuran Pendaftaran	500.00	650.00
*2.	Yuran Minggu Ta'aruf	350.00	350.00
*3.	Yuran Kit Ta'aruf	150.00	150.00
4.	Yuran Asas	1,635.00	1,380.00
5.	Yuran Pengajian dan Peperiksaan	13,795.00	17,400.00
6.	Yuran Penginapan	4,158.00	4,158.00
7.	Yuran Konvokesyen	350.00	350.00
JUMLAH KESELURUHAN		20,938.00	24,438.00

****Bil bertanda * (1 hingga 3) hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada hari pendaftaran.**

****Yuran Penginapan di atas adalah bagi Jenis Dormitori D**

Sila rujuk **Lampiran II – Maklumat Lanjut Anggaran Yuran Program (Diploma & Sarjana Muda)**

20. Sumber/ Jenis Pembiayaan Pengajian Tinggi:

(a). Terdapat pelbagai sumber/ jenis pembiayaan pengajian tinggi yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar warganegara Malaysia. Antaranya ialah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pembiayaan	Sumber/ Contoh
1.	Biasiswa	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (PENERAJU), Kementerian Pengajian Tinggi – MyMASTER, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Selangor (bekas pelajar Mesir), Tabung Pendidikan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Tajaan Khas KUIS (TKK) khusus untuk pelajar ASASI KUIS
2.	Dermaiswa	Lembaga Zakat Selangor (anak Selangor dalam kategori asnaf zakat), Pusat Zakat Sabah, Majlis Agama Islam Selangor (khusus untuk Muallaf), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
3.	Bantuan Kewangan	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (khas untuk pelajar OKU)
4.	Pinjaman	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kumpulan Media Karangkraf, Yayasan Pahang, Yayasan Sime Darby, Yayasan Sabah, Yayasan Tuanku Najihah, Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, Jabatan Perkhidmatan Negeri Sabah, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tabung Kumpulan Biasiswa Negeri Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Permodalan Nasional Berhad, pinjaman pendidikan ditawarkan oleh bank-bank komersil
5.	Simpanan/ Pembiayaan Sendiri	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Ibu bapa/ Penjaga, Wang Simpanan Peribadi

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara

(b). Pilihan samada untuk memohon biasiswa, dermaiswa, bantuan kewangan, pinjaman dan/ atau mengeluarkan simpanan sendiri adalah terletak di atas budi bicara pelajar dan juga ibu bapa/ penjaga. Sebagai makluman, 70 peratus pelajar KUIS memilih untuk mengambil manfaat dari pinjaman pendidikan tinggi yang disediakan oleh pihak PTPTN.

(c). Seksyen Penajaan dan Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa akan membantu menyelaras permohonan biasiswa Tajaan Khas KUIS (TKK) serta permohonan pinjaman PTPTN oleh pelajar KUIS. Bagi sumber pembiayaan yang lain pula, majoriti pelajar/ ibu bapa/ penjaga mengambil inisiatif sendiri memohon terus kepada pihak yang berkaitan.

5

21. Anggaran Jumlah Pinjaman PTPTN (untuk **Warganegara Malaysia** sahaja):

Jumlah pinjaman PTPTN diberikan berdasarkan pendapatan isi rumah seperti berikut:

Perkara	Pendapatan Ibu bapa/ Penjaga (Isi Rumah)		
	Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)	RM3,000 ke RM8,000	RM8,000 ke atas
Jumlah Pinjaman PTPTN	RM 20,400.00	RM 15,300.00	RM 10,200.00
Lebih PTPTN selepas ditolak Yuran Keseluruhan	RM 927.00	Tiada	Tiada
Yuran ditanggung sendiri	Tiada	RM 4,173.00	RM 9,273.00
Purata yuran ditanggung sendiri setiap semester	Tiada	RM 695.00	RM 1,545.50
Purata yuran ditanggung sendiri setiap bulan *	Tiada	RM 139.00	RM 309.10

* Nota: Setiap semester pengajian Program Diploma dan Sarjana Muda mengandungi 18 minggu, bersamaan dengan 4 bulan setengah (4.5 bulan). Bagi tujuan pengiraan purata yuran ditanggung sendiri setiap bulan, tempoh pengajian dibundarkan kepada 5 bulan.

22. Saluran Komunikasi/ Perhubungan:

KUIS sentiasa mengalu-alukan komunikasi dua hala dengan calon pelajar, ibu bapa, penjaga, penaja dan orang ramai. Berikut ialah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan dan/ atau permohonan maklumat yang berkaitan:

Bil.	Perkara/ Pertanyaan Berkaitan	Pusat Tanggungjawab (PTJ)
1.	Program pengajian dan kursus/ subjek	Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)
2.	Permohonan, penawaran dan pendaftaran	Seksyen Permohonan dan Kemasukan Pelajar, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK)
3.	Yuran program pengajian	Bahagian Pengurusan Hasil dan Kewangan Pelajar (BPHKP)
4.	Pembiayaan pengajian tinggi	Seksyen Penajaan & Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM)
5.	Kediaman dan penempatan (termasuk yuran asrama)	Bahagian Kediaman dan Penempatan Pelajar (BKPM)

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara

23. Pegawai Perhubungan:

Mohon jasa baik dan kerjasama calon pelajar/ ibu bapa/ penjaga/ penaja/ orang ramai untuk menghubungi KUIS melalui telefon dan berkomunikasi dengan pegawai berikut bagi sebarang pertanyaan yang berkaitan. Komunikasi melalui e-mel juga amat dialu-alukan.

Nombor telefon utama KUIS ialah: **03-8911 7000**

Bil.	Perkara/ Pertanyaan Berkaitan	Nama Pegawai Perhubungan	No. Samb. Telefon	Alamat E-mel
1.	Program pengajian dan kursus/ subjek	Nurul Jamilah Binti Ismail Rani	2228	jamilah@kuis.edu.my
2.	Permohonan, penawaran dan pendaftaran	Nurhairunisa Binti Mohamad	1205	admission@kuis.edu.my
		Siti Nirwana binti Johar	1417	
		Siti Noraisah Binti Abd Razak	2240	
3.	Yuran program pengajian	Hafiz Uzair bin Jamaluddin	3399	studentfinance@kuis.edu.my
		En. Sayed Ahmad Syahir bin Sayed Aluwee	1217	
		Pn. Siti Norbiha binti Zulkafli	3332	
		En. Iskandar bin Sajuddin	3332	
4.	Pembiayaan pengajian tinggi	Hanifah binti Haron	1117	hanifah@kuis.edu.my
		Junizah Mardianah Jaafar	3106	junizah@kuis.edu.my
5.	Kediaman dan penempatan (termasuk yuran asrama)	Muhammad Fairuz Yusoff	3203	muhdfairuz@kuis.edu.my
		Abdul Wafi bin Mohd Haidar	3206	abdulwafi@kuis.edu.my
		Muzdalilah Binti Muhammad	3204	muzdalilah@kuis.edu.my

24. Pandangan/ Pendapat Alumni KUIS:

Sila layari laman web KUIS di www.kuis.edu.my untuk membaca testimonial graduan/ alumni mengenai KUIS (rujuk menu utama **Alumni** dan klik pada sub menu **Testimonial Alumni**).

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara

LAMPIRAN I
KEDIAMAN DAN PENEMPATAN PELAJAR (DIPLOMA & SARJANA MUDA)

1. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyediakan kediaman dan penempatan yang selesa demi kemudahan pelajar. Berikut ialah maklumat berkaitan jenis kediaman, harga sehari dan anggaran yuran penginapan sepanjang pengajian di KUIS.
2. Sebagai makluman, penawaran semua jenis kediaman adalah tertakluk kepada kekosongan. Jika jenis kediaman yang dikehendaki telah dipenuhi, pelajar akan ditawarkan jenis kediaman lain yang masih lagi mempunyai kekosongan.
3. Pelajar Semester Pertama adalah wajib menetap di jenis kediaman yang ditentukan berdasarkan kekosongan. Manakala untuk penempatan Semester Kedua, pelajar boleh membuat pemilihan berdasarkan jumlah penawaran jenis kediaman yang disediakan pada setiap semester.
4. Sila rujuk kepada **Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu KUIS** yang boleh di muat turun bersama Surat Tawaran Kemasukan dari e-Admission KUIS untuk melihat pelan/ susun atur asrama pelajar.
5. Sila rujuk **Jadual 1, Jadual 2** dan **Jadual 3** di bawah untuk mengetahui kadar sehari bagi pelbagai jenis kediaman serta anggaran yuran penginapan sepanjang pengajian di KUIS.

JADUAL 1
JENIS KEDIAMAN DAN HARGA SEHARI (RM)

Bil.	Jenis Kediaman	Bangunan	Penerangan Ringkas	Harga (RM) Sehari
1.	Apartment AA	Parcel	3 bilik. Kapasiti 2 orang setiap bilik. Bilik air dalam setiap bilik	11.00
2.	Apartment AB	Parcel	3 bilik. Kapasiti 3 orang setiap bilik. Bilik air dalam setiap bilik	9.00
3.	Apartment BA	Parcel	3 bilik. Kapasiti 3 orang setiap bilik. Bilik air umum (kongsi) dalam apartment	7.50
4.	Apartment BB	Parcel	3 bilik. Kapasiti 4 orang setiap bilik. Bilik air umum (kongsi) dalam apartment	7.00
5.	Dormitori C	Parcel	Kapasiti 2 orang setiap dorm. Bilik air umum (kongsi) di luar dorm	6.50
6.	Dormitori D	Parcel	Kapasiti 4 orang setiap dorm. Bilik air umum (kongsi) di luar dorm	5.50
7.	Dormitori Q	Qaryah	Kapasiti 8 orang setiap dorm. Bilik air umum (kongsi) di luar dorm	5.50

Nota:

Pelajar Tajaan Tahfiz ditempatkan di Apartment Jenis AA/ AB.

Pelajar Tajaan Khas KUIS (TKK): Asasi ditempatkan di Dormitori D/ Dormitori Q



Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umarah

JADUAL 2
ANGGARAN YURAN PENGINAPAN SEPANJANG PENGAJIAN BAGI PROGRAM ASASI
 (12 minggu kuliah dan 2 minggu peperiksaan akhir semester)

Bil.	Jenis Kediaman	Bangunan	Anggaran Hari Digunakan	Caj Per Semester (RM)	Anggaran Yuran Penginapan Sepanjang Pengajian (RM)
					3 Semester
1.	Dormitori D	Parcel	98 hari (14 minggu)	539.00	1,617.00
2.	Dormitori Q	Qaryah	98 hari (14 minggu)	539.00	1,617.00

JADUAL 3
ANGGARAN YURAN PENGINAPAN SEPANJANG PENGAJIAN BAGI PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA
 (14 minggu kuliah, 1 minggu ulangkaji dan 3 minggu peperiksaan akhir semester)

Bil.	Jenis Kediaman	Bangunan	Anggaran Hari Digunakan	Caj Per Semester (RM)	Anggaran Yuran Penginapan Sepanjang Pengajian (RM)			
					5 Sem	6 Sem	7 Sem	8 Sem
1.	Apartment AA	Parcel	126 hari/ 18 minggu	1,386.00	6,930.00	8,316.00	9,702.00	11,088.00
2.	Apartment AB	Parcel	126 hari/ 18 minggu	1,134.00	5,670.00	6,804.00	7,938.00	9,072.00
3.	Apartment BA	Parcel	126 hari/ 18 minggu	945.00	4,725.00	5,670.00	6,615.00	7,560.00
4.	Apartment BB	Parcel	126 hari/ 18 minggu	882.00	4,410.00	5,292.00	6,174.00	7,056.00
5.	Dormitori C	Parcel	126 hari/ 18 minggu	819.00	4,095.00	4,914.00	5,733.00	6,552.00
6.	Dormitori D	Parcel	126 hari/ 18 minggu	693.00	3,465.00	4,158.00	4,851.00	5,544.00
7.	Dormitori Q	Qaryah	126 hari/ 18 minggu	693.00	3,465.00	4,158.00	4,851.00	5,544.00



LAMPIRAN II
MAKLUMAT LANJUT ANGGARAN YURAN PROGRAM (DIPLOMA & SARJANA MUDA)

Di sini
lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara

1. Anggaran yuran keseluruhan program akademik KUIS adalah merangkumi pelbagai bentuk yuran seperti berikut:
 - i. **Yuran Pendaftaran, Minggu Ta'aruf & Kit Pendaftaran** berjumlah RM1,000.00 (pelajar warganegara Malaysia) atau RM1,150.00 (pelajar antarabangsa) dijelaskan sekali sahaja iaitu sebelum atau pada Hari Pendaftaran Pelajar Baharu KUIS. Ini adalah yuran pertama yang dijelaskan oleh pelajar.
 - ii. **Yuran Asas** berkaitan pelbagai perkhidmatan/ kemudahan di KUIS yang perlu dijelaskan pada setiap semester merangkumi:
 - a. Takaful Pelajar = RM 85.00 (untuk pelajar tempatan sahaja, sekali setiap tahun). Pelajar antarabangsa akan menjelaskan takaful yang diuruskan melalui pihak Education Malaysia Global Services (EMGS) = RM 480.00 (setahun)
 - b. Tabung Infaq/ Kebajikan Pelajar = RM 20.00 (setiap semester)
 - c. Yuran Perpustakaan = RM 50.00 (setiap semester)
 - d. Yuran Makmal Komputer = RM 70.00 (setiap semester)
 - e. Yuran Aktiviti Pelajar = RM 50.00 (setiap semester)
 - f. Yuran Perkhidmatan Kesihatan = RM 40.00 (setiap semester)
 - iii. **Yuran Pengajian dan Peperiksaan** tertakluk kepada peringkat program pengajian yang diikuti (asasi/ diploma/ sarjana muda/ sarjana/ doktor falsafah), bilangan keseluruhan kursus dan jumlah nilai kredit yang perlu didaftarkan. Kadar yuran ini boleh berbeza diantara satu sesiambilan pelajar ke satu sesiambilan pelajar yang lain tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM).
 - iv. **Yuran Penginapan** yang dikenakan adalah berdasarkan jumlah hari Kolej Kediaman digunakan oleh pelajar berdaftar KUIS. Jumlah dalam Maklumat Program ini menggunakan kadar semasa bagi asrama jenis Dormitori D iaitu RM5.50 sehari. Pengiraan dibuat berdasarkan andaian bahawa pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Diploma akan tinggal di asrama selama 18 minggu bersamaan 126 hari pada setiap semester. Manakala pelajar Program Asasi diandaikan akan tinggal di asrama selama 14 minggu bersamaan 98 hari pada setiap semester. Sila rujuk Lampiran I – Kediaman dan Penempatan Pelajar untuk maklumat lanjut.
 - v. **Yuran Konvokesyen** sebanyak RM350.00 akan dijelaskan oleh pelajar setelah berjaya menamatkan pengajian. Yuran ini perlu dijelaskan sebelum tarikh Majlis Konvokesyen KUIS. Ini adalah yuran terakhir yang akan dijelaskan oleh pelajar.
2. Anggaran yuran keseluruhan program akademik KUIS dan juga anggaran jumlah pinjaman PTPTN (untuk **Warganegara Malaysia** sahaja) atau Tabung Tajaan Khas KUIS (TKK) dalam dokumen Maklumat Program ini disediakan sebagai panduan umum kepada calon/ bakal pelajar serta ibu bapa yang berminat menyambung pengajian di KUIS. Jumlah sebenar yuran yang dikenakan tidak semestinya tepat/ sama dengan jumlah anggaran yang diberikan. Berikut disenaraikan beberapa perkara yang akan menyebabkan jumlah sebenar Yuran Keseluruhan berbeza dari jumlah anggaran:
 - i. **Jumlah nilai kredit kursus yang didaftarkan** - ada pelajar mendapat pengecualian dari mengambil kursus-kursus tertentu. Perkara ini akan menyebabkan nilai kredit berkurangan jika dibandingkan dengan pelajar yang mengambil keseluruhan kursus dalam program pengajian.
 - ii. **Pelajar menerima insentif prestasi** - pelajar cemerlang dengan GPA 3.90 keatas akan menerima insentif prestasi akademik sebanyak 15% dalam bentuk p potongan yuran pengajian sahaja pada semester berikutnya. Manakala insentif sebanyak 50% daripada jumlah yuran graduasi diberikan kepada pelajar yang memperolehi CGPA 3.75 ke atas pada semester akhir pengajian.
 - iii. **Jumlah hari tinggal di asrama berbeza dari semester ke semester** - cuti umum, cuti peristiwa dan sebagainya akan menyebabkan jumlah hari pelajar berada di kampus bertambah/ berkurang.

- iv. **Ulang kursus** - pelajar yang gagal dalam kursus tertentu perlu mengulang kursus tersebut. Perkara ini menyebabkan pelajar perlu menjelaskan yuran pengajian dan peperiksaan buat kali kedua.
 - v. **Jenis asrama kediaman yang dipilih oleh pelajar** - KUIS menawarkan beberapa pilihan asrama iaitu jenis Apartment AA (RM11.00 sehari); Apartment AB (RM9.00 sehari); Apartment BA (RM7.50 sehari); Apartment BB (RM7.00 sehari); Dormitori C (RM6.50 sehari) dan Dormitori D/ Dormitori Q (RM5.50 sehari). Pelajar berdaftar boleh memilih jenis asrama yang diminati selagi masih ada kekosongan. Sila rujuk Bahagian Kediaman dan Penempatan Mahasiswa (BKPM) KUIS dan/ atau Lampiran I – Kediaman dan Penempatan Pelajar untuk maklumat lanjut.
 - vi. **Pelajar menukar program pengajian** - setiap program pengajian mempunyai jumlah kredit tertentu dan berbeza dari program yang lain. Pertukaran program akan menyebabkan jumlah kredit bertambah atau berkurang dan pastinya memberi kesan kepada Yuran Pengajian. Pelajar dinasihatkan untuk memilih program pengajian dengan berhati-hati agar tidak perlu menukar program. Penukaran program sangat tidak digalakkan kerana melibatkan pembatalan perjanjian pinjaman PTPTN program asal dan pelajar perlu memohon semula pinjaman PTPTN bagi membiayai pengajian program baharu.
 - vii. **Diskaun Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu 50%** - diberikan khusus kepada Alumni KUIS yang menyambung pengajian keperingkat lebih tinggi di KUIS.
3. Kadar pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah berdasarkan kepada Pekeliling PTPTN Bilangan 1 Tahun 2014 yang berkuatkuasa mulai 1 November 2014. Sebarang perubahan jumlah pembiayaan PTPTN adalah tertakluk kepada budibicara pihak PTPTN sepenuhnya.
 4. Pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membenarkan pengeluaran Akaun 2 untuk membiayai pengajian anak/ tanggungan yang belajar di KUIS. Sila rujuk Seksyen Pengurusan Pengajian Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) KUIS untuk maklumat lanjut mengenai proses pengeluaran.
 5. Pelajar Program Asasi KUIS mempunyai pilihan samada membiayai pengajian menggunakan sumber kewangan sendiri ataupun menggunakan Tabung Tajaan Khas KUIS (TKK). TKK adalah tertakluk kepada prestasi akademik pelajar yang dinilai berdasarkan CGPA (Pelajar dengan CGPA dibawah 3.00 tidak layak menerima TKK). Sekiranya pelajar memilih untuk menggunakan/ menerima Tabung TKK, pelajar adalah tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani diantara pelajar/ ibu bapa dengan KUIS antaranya seperti berikut:
 - i. Pelajar Program Asasi KUIS DIWAJIBKAN menyambung pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda di KUIS.
 - ii. Pelajar Program Asasi KUIS dibawah penajaan TKK yang mengambil keputusan untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di luar KUIS DIWAJIBKAN memulangkan keseluruhan nilai TKK yang diterima bersama dengan lain-lain yuran perkhidmatan yang ditetapkan oleh KUIS sepertimana termaktub dalam perjanjian. Sila rujuk Seksyen Penajaan & Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) KUIS untuk maklumat lanjut.
 6. Bagi pelajar berdaftar KUIS, penyata kewangan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Hasil dan Kewangan Pelajar (BPHKP) adalah dokumen muktamad berkaitan jumlah sebenar yuran keseluruhan pengajian pada setiap semester.

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara'



NOTIS PENTING/ PENAFIAN (DISCLAIMER)

Di sini
lahirnya...

1. Dokumen Maklumat Program Pengajian (berserta Lampiran-lampiran) disediakan secara *bona fide* sebagai panduan umum kepada pihak yang berkepentingan dengan peluang melanjutkan pengajian tinggi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), contohnya calon pelajar, ibu bapa, penjaga, penaja pengajian dan sebagainya.
2. Semua data dan/ atau maklumat yang terdapat dalam dokumen ini adalah betul pada masa dimuat naik ke laman web KUIS. Bagaimanapun, pihak KUIS berhak meminda sebarang data dan/ atau maklumat tanpa sebarang notis pada bila-bila masa mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
3. Pihak yang berkepentingan adalah dicadangkan untuk mengambil sikap berhati-hati dan pro-aktif dengan menghubungi KUIS melalui telefon atau e-mel bagi mendapatkan data dan/ atau maklumat lanjut yang terkini.
4. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan, kerugian dan/ atau sebagainya yang disebabkan oleh penggunaan sebarang data dan/ atau maklumat yang diperolehi dari dokumen Maklumat Program Pengajian ini.
5. Tarikh terakhir dokumen dikemas kini: **19 DISEMBER 2018**

Dai'

Ulama'

Umara'

